

B.R. 15/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 3 Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (*f*) dengan koma bertitik, dan dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (*f*) perenggan baru (*g*) yang berikut:

Pindaan seksyen 3. Akta 11.

"(*g*) menjalankan penyelidikan dan pengeluaran komersial bagi memajukan dan menggunakan dapatan-dapatan penyelidikannya dengan berkesan."

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)-

Pindaan seksyen 5.

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (*a*), perenggan baru (*aa*) yang berikut:

"(*aa*) Ketua Pengarah;" dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan "lima" dalam perenggan (*g*) dengan perkataan "empat".

Seksyen
baru
5A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 5, seksyen baru SA yang berikut:

"Ahli silih ganti. 5A. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap ahli Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (b), (c), (d), (e) dan (f) subseksyen (2) seksyen 5, melantik seorang menjadi ahli silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti ahli itu, mesyuarat-mesyuarat Lembaga sekiranya ahli itu tidak dapat hadir kerana apa-apa jua sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang ahli Lembaga.

(3) Seseorang ahli silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau jawatannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi seorang ahli silih ganti jika ahli yang baginya dia menjadi ahli silih ganti itu tidak lagi menjadi ahli Lembaga."

Seksyen
baru
6A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 6, seksyen baru 6A yang berikut:

'Kuasa untuk mengambil bahagian dalam penyertaan ekuiti atau usahasama. 6A. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, mengambil bahagian dalam penyertaan ekuiti dalam atau usahasama dengan mana-mana perusahaan sekiranya penyertaan atau usahasama itu ternyata kepadanya dikehendaki, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas Instituit."

Seksyen
baru
21A

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 21, seksyen baru 21 A yang berikut:

"Saraan atau, 21A. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Lembaga, Majlis Sains, jawatankuasa atau mana-mana orang lain (yang bukan seorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang termasuk di dalam bidang kuasa peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai bagi halnya) apa-apa saaraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri."

7. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan 6 baru yang berikut:

Pindaan
Jadual.

"Perlantikan
jawatan-
kuasa.

6. (1) Lembaga boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan mana-mana kuasa, kewajipan dan tugasnya di bawah Akta ini; mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah termasuk tidak kurang daripada seorang ahli Lembaga, dan boleh dilantik ke jawatankuasa itu mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah menepati apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dan semasa ke semasa oleh Lembaga, dan Lembaga boleh pada bila-bila masa menghentikan atau mengubah keanggotaan mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

(3) Lembaga atau jawatankuasa, masing-masingnya, boleh mempelawa mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khas yang berfaedah kepadanya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa dan orang yang dipelawa sedemikian tidaklah berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk membolehkan Instituti melibatkan diri dalam penyelidikan dan pengeluaran komersial bagi memajukan dan menggunakan dapatan-dapatan penyelidikannya secara berkesan.

3. *Fasal 3* dan *4* bertujuan meminda Akta untuk memperuntukkan mengenai perlantikan Ketua Pengarah dan ahli silih ganti sebagai ahli Lembaga.

4. *Fasal 5 dan 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 6A dan 21A. Seksyen baru 6A memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengambil bahagian dalam penyertaan ekuiti dan usahasama dengan apa-apa perusahaan yang berkaitan dengan tugas Instituit. Seksyen baru 21A memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan saraan atau elaun ahli Lembaga, Majlis Sains, jawatankuasa dan mana-mana orang lain yang berkenaan.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda Jadual untuk membolehkan Lembaga melantik mana-mana jawatankuasa untuk membantunya dalam menjalankan tugas-tugasnya

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

[PN. (U²) 1622.]